

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR UTeM

PROGRAM SAMBUTAN HARI MALAYSIA

06 September 2017, Dewan Besar UTeM, 8.45 malam

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Kamel bin Mohamed

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar);

Yang Berbahagia Prof. Dr. Goh Ong Sing

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat);

Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti);

Pegawai-pegawai Kanan Universiti;

Rakan Media, para pelajar, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Taa'la, atas izin-Nya kita berpeluang hadir dan berkumpul pada malam yang gemilang ini bersempena sambutan **Hari Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**
2. Saya dan seluruh warga UTeM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berbahagia Dato' Kamel bin Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian**

Pendidikan Tinggi yang mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi atas kesudian untuk bersama-sama kita di Dewan yang indah ini.

**Lenggang si dara di tepi titi,
Turun ke sawah tampi jerami;
Sudah lama kami menanti,
Kehadiran Tan Sri ke teratak kami.**

3. Saya yakin dengan kehadiran Yang Berbahagia Dato' akan memberi inspirasi dan dapat mengeratkan lagi ukhwah khususnya di kalangan mahasiswa dan mahasiswi bersama Kementerian Pendidikan Tinggi.
4. Saya juga ingin mengalu-alukan serta mengucapkan selamat datang kepada semua dif-dif jemputan yang sudi meluangkan masa memenuhi jemputan hadir ke program malam ini.

Yang Berbahagia Dato', Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Sambutan Hari Malaysia UTeM pada malam ini diadakan bertujuan untuk memupuk sifat patriotisme dan perpaduan yang tegar di kalangan warga UTeM khususnya mahasiswa dan mahasiswi yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan latar belakang. Penganjuran program ini juga amat tepat diadakan pada ketika ini, kerana kita masih lagi berada di dalam *mood* dan semangat sambutan kemerdekaan negara kali ke-60, Negaraku Sehati Sejiwa dan Sambutan Hari Malaysia yang bakal diraikan pada 16 September depan.
6. Penglibatan dari kalangan mahasiswa dan mahasiswi merupakan pilihan yang tepat kerana kumpulan ini merupakan generasi pelapis kepimpinan negara suatu hari nanti. Apalah namanya seorang pemimpin tanpa memiliki nilai jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara tercinta ini.

7. Bagi menyemarakkan lagi penganjuran program ini, pihak penganjur telah menyusun pelbagai agenda menarik yang bukan sahaja menerapkan elemen kepimpinan, kepelbagaian bakat, kesamaan dan keserakanan malah turut dapat mengukuhkan lagi hubungan perpaduan nasional di antara mahasiswa dan masyarakat setempat.
8. Pengisian pada malam ini akan menyingkap kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, namun mampu mengetengahkan elemen keharmonian, keamanan dan kedamaian dalam kehidupan. Di antara pengisian pada malam ini termasuklah persembahan kebudayaan berbilang kaum yang akan dipersembahkan oleh staf dan pelajar UTeM sendiri. Bukan itu sahaja, malam ini juga kita bakal menyaksikan persembahan

nyanyian lagu-lagu patriotik yang akan diiringi oleh kumpulan orkestra UTeM bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan kecintaan terhadap kepada negara kita.

Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,

9. Penganjuran program yang meriah ini bukanlah bersifat hiburan semata-mata. Disebalik setiap persembahan ada kisah dan nilai-nilai murni yang ingin ditonjolkan. Disamping saudara/i menikmati persembahan yang disampaikan, cubalah hayati maksud tersirat dari setiap persembahan yang disampaikan. Semoga menerusi wadah ini, dapat memperkasa jati diri anak-anak muda untuk terus cintakan negara dan mengekalkan keharmonian serta keamanan yang telah dikecapi oleh Malaysia setelah 60 tahun merdeka.

Yang Berbahagia Dato', Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Y.bhg. Dato' Kamel bin Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan Tinggi yang tidak pernah jemu memberikan sokongan dan dorongan berterusan kepada UTeM. Kepada Jawatankuasa Pelaksana, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM dan fasilitator, syabas dan terima kasih di atas usaha untuk menganjurkan program bermanfaat ini
11. Saya berharap agar usaha murni seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan dengan penganjuran lebih banyak program-program yang mampu meningkatkan lagi kualiti keperibadian siswa dan siswi untuk dimanfaatkan demi kesejahteraan dan pembangunan masyarakat dan negara yang lebih baik di masa hadapan.

**Bersiul kenari di atas batu,
Melihat mekarnya si bunga raya;
Warga UTeM sentiasa bersatu,
Pertahan sumpah daulat Malaysia.**

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.*
Terima kasih.